

Headline **India edar 3.5 bilion kondom secara percuma**
Date **15. Feb 2009** Language **MALAY**
Media Title **Sinar Harian** Page No **20**
Section **Global** Article Size **59** cm2
Circulation **60000** Frequency **Daily**
Readership **0** Color **Full Color**
AdValue **329.39**



India edar 3.5 bilion kondom secara percuma

NEW DELHI - India mengambil langkah tegas untuk membendung penyebaran wabak HIV/AIDS apabila merancang program pengedaran 3.5 bilion kondom secara percuma ke seluruh negara.

India kini mempunyai pesakit HIV/AIDS berjumlah 2.5 juta dan satu juta daripadanya ialah wanita.

"Kami menyasarkan untuk mengedarkan 3.5 bilion kondom percuma kepada penduduk lelaki dan ia akan dilakukan melalui tiga juta kedai sebelum 2012," kata Setiausaha Persatuan Kawalan AIDS India (NACO).

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mempromosikan seks selamat, NACO bertindak memasang mesin vendor yang akan membekalkan kondom berkualiti kepada pengguna di beberapa lokasi strategik.